

Syarahan Rumpun Melayu-Teori Migrasi, Diaspora

SEREMBAN 15 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tampil dengan langkah proaktif dalam membincangkan isu asal-usul rumpun Melayu dengan menganjurkan sebuah syarahan umum bertajuk 'Rumpun Melayu-Teori Migrasi dan Diaspora' dekat sini baru-baru ini.

Syarahan yang disampaikan Ahli Lembaga Pengarah USIM, Prof. Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh itu dihadiri lebih 200 peserta yang terdiri daripada pensyarah, kakitangan serta pelajar universiti berkenaan, bertujuan bagi merungkai asal-usul Melayu.

Naib Canselornya, **Prof. Dr. Asma Ismail** berkata, program syarahan umum seperti ini merupakan salah satu cabang atau wadah dunia akademik berkongsi kepakaran serta meningkatkan tahap keserjanaan masing-masing.

"Ini merupakan salah satu usaha berterusan pihak USIM dalam mengembangkan pemikiran para kakitangan dan pelajar tentang asal-usul Melayu itu sendiri yang selama ini menjadi identiti kepada masyarakat di Malaysia.

"Saya berharap program pada hari ini akan membuka ruang paradigma baharu dan seterusnya menjadi pendorong kepada mutiara-mutiara USIM untuk menyampaikan syarahan seumpamanya pada masa akan datang di bumi bertuah ini," katanya.

Yang turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.

Wan Hashim dalam pembentangnya mengupas dan mengemukakan hujah-hujah menolak teori besar yang dikemukakan Heine-Geldern pada 1940-an bahawa rumpun Melayu berasal dari wilayah Yunnan atau selatan negeri China.

Malah katanya, berdasarkan kepada beberapa dapatan kajian arkeologi, antropologi, linguistik dan terbaharu antropologi perubahan merumuskan bahawa moyang kepada rumpun atau ras Melayu telah tiba di benua Sunda sejak 74,000 - 60,000 Sebelum Masihi lebih awal daripada ketibaan ras Mongoloid di benua China, pada sekitar 60,000-45,000 Sebelum Masihi.